

# Ketibaan Presiden Xi kukuh hubungan Malaysia-China

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM dan HASIF IDRIS  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Presiden China, Xi Jinping tiba untuk lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia semalam ketika kedua-dua negara berhadapan dengan tekanan akibat tarif timbal balik oleh Amerika Syarikat (AS).

Malaysia adalah antara tiga negara di Asia Tenggara yang dilawati oleh pemimpin utama China itu selepas Vietnam semalam, dan selepas ini beliau akan ke Kemboja.

Ketiga-ketiga negara ini adalah rakan dagang terbesar China di Asia Tenggara.

Ketibaan Xi disambut oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Lawatan beliau ke negara ini atas undangan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan merupakan yang kedua dalam tempoh 12 tahun selepas kali terakhir pada 2013 lalu.

Xi yang dalam lawatan rasmi ke Asia Tenggara dari 14 hingga 18 April, meluangkan masa sehari ke Vietnam dan Kemboja serta tiga hari di Malaysia.

China adalah rakan dagang terbesar Malaysia selama 16 tahun berturut-turut sejak 2009, dengan nilai dagangan RM484.12 bilion pada 2024.

Ia menyumbang kepada 16.8 peratus nilai perdagangan global Malaysia berjumlah RM2.879 trilion.

Turut menyambut kehadiran beliau bersama delegasi



**ANWAR Ibrahim menyambut ketibaan Xi Jinping di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI**

negara itu ialah Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dengan diberi sambutan rasmi serta persembahan tarian kebudayaan.

Kementerian Luar dalam kenyataan memberitahu, hubungan diplomatik Malaysia dan China terjalin sejak 31 Mei 1974 dan meraikan ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik pada tahun lalu.

Kenyataan itu menyabut, lawatan tersebut merupakan sebahagian daripada siri pertama lawatan negara oleh Xi pada tahun ini selepas lawatan tera-

akhir ke Malaysia pada 2013.

“Kedua-dua negara telah menaik taraf hubungan diplomatik kepada Perkongsian Strategik Komprehensif,” kata kenyataan itu.

Untuk lawatan kali ini, Presiden Xi akan diberikan istiadat sambutan negara dan diikuti dengan kunjungan menghadap ke atas Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara hari ini.

Seri Paduka Baginda juga berkenan meraikan Xi dan delegasi dalam satu majlis santapan negara.

Xi turut dijadual mengadakan pertemuan dengan Anwar

bagi membincangkan kerjasama dua hala serta bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa.

Kedua-dua pemimpin seterusnya akan menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman, perjanjian, dan nota antara Malaysia dengan China.

Sebagai Pengerusi ASEAN dan Negara Penyelaras bagi Hubungan Dialog ASEAN-China, Malaysia komited memajukan Perkongsian Strategik Komprehensif ASEAN dan China melalui dialog, kesalingpercayaan dan inisiatif yang membawa manfaat kepada ASEAN dan China.